



# arti culture

Pameran Karya Pelajar  
Program Pendidikan Seni dan Seni Reka  
Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi MARA

---

Buku ini diterbitkan oleh

GALERI SENI TUANKU NUR ZAHIRAH (GESTURZ)  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

© 2018. Galeri Seni Tuanku Nur Zahirah, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, 40450, Selangor, Malaysia.

Tidak dibenarkan menerbit semula dengan apa cara proses atau teknik tanpa permohonan dan kelulusan rasmi dari penerbit  
GALERI SENI TUANKU NUR ZAHIRAH (GESTURZ), UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA.

Penafian

1. Penelitian dan semakan terhadap kandungan penerbitan ini telah dibuat sebaik mungkin, walau bagaimanapun pihak penerbit memohon maaf dan tidak bertanggungjawab sekiranya terdapat kesalahan teknikal yang tidak disengajakan serta tidak dapat dielakkan.
2. Artikel, ilustrasi atau imej yang diterbitkan tidak semestinya mencerminkan pendapat penerbit.

ISBN No. : 978-967-15837-5-3

Editor : Mel@Nurul Muzamel Rasidi

Penolong Editor : Muhammad Syahizad Abdul Malik, Aedie Azrul Ab Aziz

Penulis Utama : Mel@Nurul Muzamel Rasidi,

Penulis Bersekutu : Muhammad Syahizad Abdul Malik, Roslaili Binti Anuar

Ketua Pereka : Siti Soleha Salamun

Penolong Pereka : Alif Mohd Tarmizi, Mohd Izzul Hamka Subandero

Fotografi dan Suntingan Visual : Muhammad Alif Mohd Tarmizi, Mohd Izzul Hamka Subandero, VAESA

Pembaca Prof : Mel@Nurul Muzamel Rasidi, Muhammad Syahizad Abdul Malik, Nurul Aida Mohd Sohaime, Mastura Md Mukhlas

Dicetak oleh GESTURZ, UiTM dan UiTM Print Centre



**arti**  
**culture**

# Isi Kandungan

MIDF Komited Promosikan Kreativiti UiTM Menerusi CSRnya	5
Semangat “Made in UiTM” dalam Articulture	6
Salam dari EDU, UiTM	7
Articulture Serlah Kreativiti Bakal Guru Pendidikan Seni	8 - 10
Karya Seni	11 -51
Urusetia	52 -55
Penghargaan	56



# Midf Komited Promosikan Kreativiti UiTM Menerusi CSRnya



*Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera.*

*Alhamdulillah*, tahun 2018 aktiviti MoU di antara Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) sentiasa diberi pengisian yang segar dan bermanfaat.

Setelah kejayaan dalam penganjuran Anugerah Seni MIDF 2018 yang difahamkan ia adalah tahun kedua pertandingan tersebut dianjurkan, pada kali ini kita dipersembahkan pula dengan Articulture yang mempamerkan karya – karya kreatif dari siswa-siswi Program Pendidikan Seni dan Seni Reka, Fakulti Pendidikan (EDU), UiTM.

MIDF menerusi inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) telah menzahirkan sokongan dalam pelbagai aspek bagi menjayakan aktiviti MoU di antara kedua-dua pihak. Terasnya adalah untuk mempromosikan kreativiti dari UiTM di pelbagai platform terutamanya di MIDF-UiTM Art Space Kuala Lumpur menerusi acara pameran dan kesenian lain.

Sebagai rakan lama UiTM yang menjangkau 10 tahun persahabatannya, MIDF sentiasa memberi peluang kepada siswa-siswi UiTM untuk mengetengahkan bakat kreativiti mereka kepada komuniti korporat dan awam yang bukan sahaja dapat menarik minat dan penghayatan terhadap seni dan budaya malah ia menjadi tarikan unik kepada tetamu luar yang berkunjung ke Menara MIDF Kuala Lumpur.

Akhir bicara, Tahniah saya dan warga MIDF ucapkan di atas usaha dan kejayaan dalam mempamerkan 40 karya seni menerusi Articulture. Semoga ia mencetuskan wacana visual yang berilmiah dan produktif.

Sekian, *Wassalam.*

## **DATO' CHARON MOKHZANI**

Pengarah Urusan Kumpulan  
Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF)

# Semangat “Made in UiTM” dalam Articulture



*Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera.*

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya pengisian aktiviti MoU di antara Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) diperhebatkan lagi dengan penganjuran pameran Articulture.

Difahamkan Articulture adalah inisiatif siswa-siswi Program Pendidikan Seni dan Seni Reka, Fakulti Pendidikan (EDU) menerusi persatuan dalaman yang dikenali sebagai VAESA (Visual Art Education Students Association).

Sejak 2008, kolaborasi UiTM dan MIDF diperkukuh dari satu tahap ke satu tahap hingga lahirnya persahabatan yang erat di antara kedua organisasi yang berkongsi aspirasi yang sama iaitu mempromosikan kreativiti tempatan khususnya dari UiTM. Dalam perspektif ini, Pejabat Jaringan Industri, Masyarakat, Alumni & Keusahawanan (ICAEN) melihatkan ia adalah hasil daripada kerjasama berpasukan yang saling santun menyantuni dalam setiap usaha, inisiatif yang menjadikan ia faktor utama kejayaan di setiap aktiviti yang dianjurkan oleh kedua-dua pihak. Syabas kepada GESTURZ, UiTM yang sentiasa komited dan konsisten dalam merancang, mengurus serta mengaktifkan segala aktiviti kerjasama MoU di antara UiTM dan MIDF.

Mengakhiri aluan ini, tahniah diucapkan kepada pengkarya dan sekaligus penghargaan kepada urusetia yang terlibat dalam mengetengahkan karya kreatif bakal guru pendidikan seni visual dari Fakulti Pendidikan (EDU), UiTM ke pentas korporat seperti MIDF.

Kita semua dapat menjayakannya kerana kita adalah “Made in UiTM”

Sekian, *Wassalam.*

## **PROFESOR DR. HJ. ZAINI ABDULLAH**

Timbalan Naib Canselor  
Jaringan Industri, Komuniti, Alumni & Keusahawanan (ICAEN)  
Universiti Teknologi MARA

# Salam dari EDU, UiTM



*Assalamualaikum w.b.t dan Selamat Sejahtera,*

Awal bicara, saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Illahi kerana diberi ruang dan kesempatan kepada saya untuk berkongsi kegembiraan dan kesyukuran terhadap kejayaan dan usaha siswa-siswi Program Pendidikan Seni dan Seni Reka, Fakulti Pendidikan (EDU), dalam merealisasikan Articulture.

EDU sentiasa menyokong inisiatif murni yang dibawakan oleh para pelajarnya. Menerusi persatuan dalaman yang aktif iaitu VAESA ia telah banyak menggerakkan pelbagai aktiviti yang bukan sahaja dapat memanfaatkan pembangunan akademik siswa-siswi malah manfaat tersebut turut tersebar luas untuk perkembangan bidang pendidikan seni visual negara, organisasi - organisasi korporat dan masyarakat awam.

Penglibatan EDU bersama Malaysian Industrial Finance Berhad (MIDF) bermula dengan penyertaan dalam Anugerah Seni MIDF 2018. *Alhamdulillah*, dalam pertandingan tersebut siswa-siswi dari EDU telah berjaya membawa pulang dua anugerah utama, dan dua anugerah pilihan juri.

Kali ini, ia diteruskan dalam Articulture setelah mendapat sokongan yang amat baik dari pihak MIDF. Semoga ia akan diteruskan dalam pelbagai bentuk kolaborasi yang bukan sahaja dapat menyetengahkan bakat – bakat dari UiTM malah dalam waktu yang sama dapat mempromosikan kreativiti di kalangan warga korporat dan komuniti setempat.

Penyudah bicara, syabas dan tahniah kepada para pengkarya yang juga siswa-siswi EDU. Buat urusetia yang terlibat dari MIDF

dan GESTURZ, ribuan terima kasih dan sekalung penghargaan dari kami warga EDU.

Sekian, *Wassalam*.

**PROFESOR DR. FAIZAH ABDUL MAJID**

Dekan  
Fakulti Pendidikan (EDU)  
Universiti Teknologi MARA



# Articulture Serlah Kreativiti Bakal Guru Pendidikan Seni.

oleh: Mel@Nurul Muzamel Rasidi



## Pemimpin Pendidikan lahir di sini

Bermula sebagai Pusat Persediaan Pelajar (PPP), Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi MARA terus melakar sejarah yang gemilang dari saat awal penubuhannya pada tahun 1996 hinggalah sekarang. Fakulti Pendidikan menawarkan program – program pengajian pendidikan dalam melahirkan graduan, bakal guru dan pemimpin pendidikan yang dinamik serta holistik.

Dalam tahun 1997, Fakulti Pendidikan atau mesra dikenali dengan nama EDU telah menjalankan program pensiswazahan guru-guru lepasan kursus diploma perguruan khas dalam Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (TESL), Pendidikan Seni, Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, Pendidikan Muzik, dan Pengurusan Pusat Sumber Sekolah. Kemudian pada November 2001, EDU telah menawarkan program Sarjana Pendidikan TESL (Kerja Kursus) dan Sarjana Pendidikan serta PhD secara Penyelidikan. Penawaran program – program ini adalah berkait rapat dengan kerjasama erat di antara EDU dan Kementerian Pendidikan yang sekian terjalin khususnya dalam perkembangan program pengajian pendidikan. Menerusnya juga, pada tahun 2005 EDU telah melebarkan programnya ke pengajian Pengurusan Pendidikan di peringkat Ijazah Sarjana Muda (Kepujian).

EDU dibarisi oleh para akademik yang tersohor dan pakar dalam bidang masing – masing. Program – programnya juga meliputi dari peringkat Asasi TESL, dan tujuh program Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) seperti bidang TESL, Pendidikan Seni dan Seni Reka, Matematik, Biologi, Fizik, Kimia serta Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Manakala, program pasca-siswazah pula menawarkan pengajian Sarjana dan Doktor Falsafah seperti TESL, Pengurusan

dan Kepimpinan, Seni Visual dan Pendidikan Matematik yang ditawarkan dalam mod kerja kursus dan penyelidikan.

## Pendidikan Seni yang mencorak generasi kreatif.

Pada kali ini, kita menyaksikan sebuah pameran yang mempamerkan karya – karya seni hasil kreativiti siswa-siswi program Pendidikan Seni dan Seni Reka. Mereka adalah bakal – bakal guru pendidikan seni yang akan mencorak generasi kreatif negara.

Secara lahiriah, sememangnya kita sukakan keindahan, sejak kecil kita menyukai seni dengan menunjukkan bakat kreativiti kita dalam pelbagai cara. Ini diasah lagi dengan pendidikan awal sama ada secara formal atau tidak formal yang berteraskan kreativiti dan ia berlaku secara sedar atau tidak sedar ketika di awal pembelajaran kita. Dalam waktu yang sama ia menjadikan kita sensitif dan prihatin terhadap persekitaran sekeliling.

Hakikatnya, pendidikan seni adalah sebagai satu cabang ilmu yang signifikan dalam kemajuan dan kelestarian negara, ini adalah kerana pendidikan negara perlu melahirkan modal insan yang berupaya memahami peranan dan tanggungjawab pada dirinya serta persekitarannya di mana ia meliputi pembinaan negara (*state building*), pembinaan bangsa (*nation building*) dan pembinaan keupayaan daya saing (*capacity building*). Lebih-lebih lagi untuk memastikan keseimbangan generasi kita berkarya tanpa mengeneipkan nilai moral, budaya dan agama. Sudah tentu, ia adalah cabaran semasa di era digital masa kini.

Siswa-siswi yang melanjutkan program Pendidikan Seni dan Seni Reka di EDU bukan sahaja disiap siagakan untuk berkhidmat



dalam profesion keguruan. Lebih dari itu, mereka juga dibimbing dalam aktiviti ekonomi kreatif, selain daripada bimbingan dan didikan dalam amalan studio professional, pengetahuan juga kemahiran dalam media digital dan rekabentuk, metodologi dan pedagogi pendidikan, serta teknologi, inovasi dan penyelidikan dalam pendidikan seni visual.

### **Tema Articulture tonjolkan kepelbagaian artistik**

Pameran Articulture adalah himpunan koleksi karya seni yang dihasilkan oleh siswa-siswi program Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pendidikan Seni dan Seni Reka (ED242). Ia dijayakan oleh VAESA (*Visual Art Education Students Association*) yang merupakan persatuan dalaman aktif di EDU dalam merancang dan mengadakan pelbagai program. Inisiatif VAESA mendapat sokongan penuh dari pengurusan Fakulti Pendidikan (EDU) di mana ia seterusnya disambut baik pula oleh pihak Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) yang merupakan rakan akrab MoU dengan UiTM. Articulture yang dibawa oleh EDU dan VAESA turut mendapat kerjasama kepakaran kuratorial profesional dari Galeri Seni Tuanku Nur Zahirah (GESTURZ), UiTM. GESTURZ yang bertindak sebagai pusat koordinasi dalam segala bentuk kerjasama dan aktiviti MoU di antara UiTM dan MIDF telah secara konsisten mengekalkan momentum kolaborasi sejak tahun 2008 lagi. Ini sudah pastinya dapat direalisasikan dengan cemerlang apabila ia sentiasa mendapat kerjasama erat dari GCC (Komunikasi Korporat Kumpulan), MIDF.

Bersandarkan kepada maksud disebalik Articulture iaitu usaha manusia yang mampu membina ilmu pengetahuan, kemahiran, dan memartabatkan tradisi yang menghasilkan keindahan dan makna dalam persekitarannya, pameran ini adalah

wadah komunikasi visual para pengkarya dalam memaparkan mesej – mesej signifikan yang mengangkat keseimbangan dalam kehidupan seperti religi, alam, budaya, warisan, tradisi, kenegaraan, sains, seni bina, keluarga, makanan dan buahan tempatan.

Karya dari Nur Fatin yang bertajuk “Sepertiga Al-Quran” misalnya menampilkan seni khat dengan memilih surah Al-Ikhlâs dalam mengajak penghayat seni untuk membaca dan menghayati surah yang tinggi kelebihannya. Pendekatan Fatin dalam menampilkan seni khat dalam catatan turut menjadi ikutan kepada rakan lain seperti Alia Nadirah dengan tajuk karyanya “Awal dan Akhir” (2018), Muhammad Irfan yang memaparkan keindahan dan keberkatan Bismillah dalam karya yang diberi nama “Segalanya” (2018).

Namun berbeza pula Ahmad Luqman yang mengambil inspirasi dari aliran seni kubisme yang dipelopori oleh pelukis agung seperti Picasso dan Braque. Luqman mengilhamkan “Huaren Xinnian” (2017) dari objek – objek geometrik dengan gaya deformasi dan distorsi yang mengisahkan suasana tarian naga di kalangan masyarakat Cina semasa perayaan tahun baharu. Beliau juga ditemani oleh rakannya Alif Omar dengan karya bertajuk “Le Desespere Un Veuver” (2018) yang mengambil pendekatan pengaruh aliran seni yang sama. Alif menterjemahkan karya Picasso “Trois Femmes” (1908) yang diolah ke dalam gaya Malaysia dengan memberi suntikan budaya dan perpaduan. Karyanya menampilkan wanita Melayu, Cina dan India yang harmoni memakai busana kebangsaan masing – masing, sekali gus mencerminkan estetika unik dalam kesenian tempatan.





Turut menjadi perhatian dalam 40 karya yang dipamerkan di Articulture adalah "Eye of Maaysia" (2018) oleh Nor Amira Syafiqah, "Mambang Laut" (2018) oleh Muhammad 'Aqil Azahar Shah, dan "Chindia" (2018) oleh Nur Hizati Khalid. Ketiga – tiga pengkarya berdialog tentang alam seajagat, mendendangkan ceritera visual mengenai pemodenan negara, patriotisme, kehidupan dan warisan kebangsaan. Karya – karya ini bukan sahaja melihatkan ketelitian, kerajinan pengkarya malah sensitiviti mereka terhadap persekitaran dan dalam waktu yang sama menggamit apresiasi seni di kalangan penghayat menerusi dimensi visual yang informatif.

Menelusuri setiap kanvas – kanvas catan yang gah indah di ruang pameran MIDF-UiTM Art Space Kuala Lumpur, sudah pastinya memberi rumusan ia adalah gubahan karya yang kreatif oleh bakal guru pendidikan seni dari Fakulti Pendidikan (EDU), Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Platform yang disediakan oleh MIDF menerusi kolaborasi MoU yang mempromosikan kreativiti adalah amat baik dalam mengetengahkan bakat muda dan seterusnya memberi peluang kepada siswa-siswi untuk berpameran malah membuka ruang dan potensi untuk memasarkan karya di pasaran komersil segitiga emas Kuala Lumpur. Syabas dan sekalung tahniah diucapkan kepada siswa-siswi pengkarya yang terlibat, VAESA, Fakulti Pendidikan (EDU), UiTM, MIDF dan GESTURZ yang dapat

bekerjasama sebagai sebuah pasukan dalam menjayakan acara ilmiah dan bermanfaat ini. Semoga ia bukan sahaja menjadi destinasi berpameran yang pertama buat EDU, diharapkan ia akan disusuli pula dengan acara – acara kreativiti lain yang dapat menyalurkan pengetahuan dan menyuburkan minat komuniti setempat dan kefahaman generasi muda khususnya dalam bidang pendidikan seni visual.

---

*Penulis adalah Kurator Kanan di Galeri Seni Tuanku Nur Zahirah (GESTURZ), Universiti Teknologi MARA (UiTM). Karya penulisan beliau diterbitkan dalam dwi-bahasa di akhbar tempatan, buku pameran institusi pendidikan dan galeri swasta, penerbitan berkala di kampus dan juga merupakan penulis teks ucapan bag kehormat di samping menulis buku terbitan agensi korporat. Mempunyai pengkhurusan dalam komunikasi pengiklanan, beliau telah mengetuai pelbagai pengurusan acara industri kreatif di peringkat kebangsaan dan antarabangsa merangkumi pameran, ekspo, bengkel, seminar, persembahan, acara kesenian dan acara kolaborasi strategik dengan agensi korporat dan global. Hubungi beliau di facebook GESTURZ.*

The image features a central graphic design on a white background. It consists of several overlapping, organic shapes in shades of red and orange. The largest shape is a dark red circle, with a large orange shape overlapping its right side. Other smaller shapes in both colors are scattered around the main composition. The text 'Karya Seni' is written in a bold, white, sans-serif font, centered within the orange shape.

**Karya  
Seni**



1. SEPERTIGA AL-QURAN (2018) | NUR FATIN ITHNIN

Dalam karya kaligrafi ini, pengkarya memilih Surah Al-Ikhlâs iaitu surah ke 112 dalam Al-Quran. Maksud dari surah Al-Ikhlâs adalah Keesaan Allah atau Monotheistic. Surah ini tergolong dari surah Makkiah yang diturunkan di Kota Mekkah yang mengandungi 4 ayat. Nabi Muhammad SAW pernah bersabda bahawa membaca surah Al-Ikhlâs ganjaran pahalanya seumpama membaca sepertiga Al-Quran dan jika membaca surah Al-Ikhlâs sebanyak tiga kali maka ganjaran pahalanya seumpama kita telah mengkhatamkan Al-Qur'an. Dalam karya ini, pengkarya mengaplikasikan warna – warna harmoni yang membangkitkan terapi keindahan dan ketenangan tatkala penghayat seni melihat karya dan membaca surah tersebut.



**2. AWAL DAN AKHIR (2018) | ALIA NADIRAH ZOHRI**

*Karya ini mengandung kalimah Bismillah, Allah dan Muhammad. Karya ini melambangkan tentang permulaan hidup kita sebagai hamba Allah. Sebagai manusia ada kalanya kita lalai dalam mengingat pencipta. Dengan kalimah Bismillah, di dalam setiap perbuatan membuatkan kita mengingat Allah sebagai pencipta dalam menuju pengakhiran.*





3. SEGALANYA (2018) | MUHAMMAD IRFAN MIRZA ABU BAKAR

Sebagai umat Islam adalah menjadi norma, Bismillah diucapkan setiap kali kita ingin melakukan sesuatu. Walau di mana jua kita berada, Bismillah tetap diucapkan dalam kehidupan seharian. Bismillah adalah ucapan yang paling penting dalam kehidupan seorang Muslim.



*Menara Berkembar Petronas melambangkan pembangunan di Malaysia yang sedang pesat membangun. Suasana pembangunan di galaksi dalam karya tersebut merujuk kepada kejayaan Malaysia yang bersaing dengan negara maju dari pelbagai aspek, lebih lagi dalam aspek pembinaan bangunan "Pencakar Langit".*

4. GALAXY (2018) | PORVOSKI AMAT @ SIRAP





5. HUAREN XINNIAN (2017) | AHMAD LUQMAN HEGRETUL AL-AMIN

Karya ini merupakan gabungan aliran KUBISME dan KONSTRUKTISME yang mengisahkan tentang "HUAREN XINNIAN" yang bermakna tahun baru cina. Ia menceritakan tentang budaya masyarakat cina melalui konsep KUBISME. Naga melambangkan tarian perayaan, figura manusia pula mewakili ZAO ZILONG iaitu jeneral tertinggi pada zaman pemerintahan cina dahulu. Terdapat juga elemen lain seperti ang pow, buah limau, tokong cina selain rona merah, jingga, dan kuning yang sinonim dengan kekuatan dan tuah dalam kepercayaan masyarakat cina.



**6. LE DESEPERE UN VEUVER (2018) | ALLIF OMAR**

Karya ini merupakan terjemahan karya Picasso iaitu "TROIS FEMMES" yang digubah dan dicampur dengan sedikit elemen Malaysia. Elemen yang cuba dipaparkan dalam karya ini ialah bangsa utama yang terdapat di Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India yang mana posisi mereka hanya bersebelahan dan menunjukkan keamatan yang terjalin walaupun berlainan bangsa





7. JINGGA (2017) | NURUL FAAIZA ABDUL RAZAK

*Harimau dan burung Enggang antara haiwan yang semakin pupus di Malaysia. Pengkarya cuba mengaitkan ia dengan penampilan motif ukiran kayu yang juga merupakan salah satu warisan budaya yang semakin dilupai. Jingga menjadi tajuk karya yang memberi konotasi bahaya serta perlukan perhatian yang serius dan segera.*



8. BE YOURSELF (2018) | FARAH FAKHIRA ZUBAHRI



Karya ini menggambarkan pelukis yang beranggapan tidak perlu berkata-kata seperti ikan Guppy tetapi biar hasil karya menentukan. Karya ini juga mencerminkan diri beliau yang suka bersendirian dan beranggapan ia baik untuk diri sendiri supaya lebih bebas dan bertanggungjawab ke atas diri sendiri.





9. PERMULAAN (2018) | NURAI DA NAZIHA ISMAIL

*Karya ini adalah berkaitan tentang setiap perkara yang baik jika tidak dimulakan dengan "Bismillahirrahmanirrahim", maka akan terputuslah keberkatannya.*

Artis menyetengahkan kalimah "Bismillahirrahmanirrahim" yang membawa maksud "Dengan Nama Allah yg Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani". Oleh itu, artis memilih perkataan "Permulaan" sebagai tajuk karya ini kerana dengan memulakan sesuatu dengan 'Bismillah' adalah satu kebaikan dan memiliki fadhilat yang sangat besar kerana ia mengutamakan Asma dan kebesaran Allah SWT.

10. PERMULAAN (2018) | AMIRAH MUNAP



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ





11. THE JELLY FATHER (2018) | FATIN ADIBAH ISMAIL

Karya ini menjadikan obor-obor sebagai subjek utama dengan menggambarkan seorang bapa yang bertekad untuk menghadapi segala rintangan. Seorang bapa yang berkemampuan melakukan sesuatu buat keluarganya tanpa keluhan. Obor-obor, mampu melindungi diri dengan keberanian, kecekalan dan kelebihan yang ada begitulah juga simboliknya ia dengan keupayaan seorang bapa yang tiada tandingan, rela melakukan sesuatu untuk keluarganya.



**12. LIGHTFISH (2018) | NUR AZIELAH I MOHD AZLI**

Di dalam karya ini terdapat dua ekor ikan emas yang hidup di dalam mentol lampu. Ia menunjukkan ikan emas tersebut sebagai sumber cahaya kepada manusia dan mempunyai kemewahan yang tersendiri kerana ikan emas tersebut adalah simbolik kepada kekayaan dan tuah.





13. PENAWAR HATI (2018) | NUR AZWA MUHAMAD YUSOF

*Petikan dari Surah Taha ayat 25-28 yang membawa maksud penerang hati. Surah Taha ayat 25-28 ini dapat membantu meningkatkan dan menambah daya ingatan di samping zat surahnya yang mempermudah segala urusan manusia.*



14. KUN FAYAKUN (2018) | NUR SYAZANA ABDUL KHALIM



"Jadilah, maka jadilah ia". Dalam sebuah kehidupan, tidak semua kita akan dapat capai seperti yang kita impikan. Namun, Tuhan adalah sebaik pencipta dan Tuhan tahu akan semua perkara. Percaya padanya, dan Tuhan akan menangkan sesuatu yang baik akan menanti kepada sesiapa yang yakin dengannya.



15. MITOS (2018) | FARAH FAKHIRA ZULBAHRI

*Bunga Harum Sundal malam diambil sebagai subjek utama untuk menunjukkan keunikan dan keistimewaan bunga ini. Bunganya yang hanya akan kembang dan mengeluarkan bau yang amat wangi pada malam yg tertentu sahaja telah mencetuskan kepercayaan mistik yang pelbagai di kalangan rumpun Melayu.*



## 16. ORCHIDACEAE (2018) | NORADIBAH MD KASMIN

"ORCHIDACEAE" bermaksud tumbuh-tumbuhan berbunga yang pelbagai dan meluas, dengan bunga yang sering berwarna-warni dan wangi, yang biasanya dikenali sebagai keluarga Orkid. Karya ini bertemakan kekeluargaan di mana dalam sebuah pasu bunga terdapat pelbagai jenis sikap dan ragam tetapi tetap bersama kerana akarnya tetap sama.







17. LENG LUI (2018) | NUR AMALINA MOHD TAMJES

"LENGLUI" merupakan sebuah karya yang menceritakan mengenai pakaian tradisional perkahwinan wanita masyarakat Cina pada masa dahulu. Arnab merupakan simbol zodiak dalam kalendar cina yang menunjukkan karakter lemah lembut, ramah dan berbudi bahasa watak wanita tersebut.



Karya ini bertemakan gabungan seni Aboriginal dan Tradisional Melayu kerana ingin menerapkan unsur seni moden barat dan tradisional Melayu. Unsur corak flora iaitu motif bunga melur dipilih kerana merupakan motif hiasan yang sangat penting digunakan dalam ukiran kayu tradisional Melayu kerana motif sulur pautnya yang lembut dan menjalar mudah diubahsuai bentuk. Corak batik bermotifkan pucuk rebung dan gabungan corak titik secara berirama sebagai latar belakang ukiran tersebut menunjukkan gabungan erat di antara gabungan seni ukiran kayu dan batik yang tidak akan di telan zaman dan masih dihargai oleh masyarakat kini.

18. SERI MELUR (2018) | CHE SURAYA AZIZ







19. THE MIX KOLAM (2018) | NURAI SYAH AMFRAN

Motif utama untuk menghasilkan karya ini ialah "KOLAM atau RANGOLI ART" . Kolam merupakan lukisan di atas lantai. Kolam dalam bahasa tamil membawa maksud indah atau cantik. Karya ini berfokuskan kepada dua kolam hasil gabungan daripada perayaan tradisi kaum India iaitu perayaan Pongal dan perayaan Deepavali ( pesta cahaya) . Dua tembikar yg dilimpahi susu mewakili kolam perayaan Pongal yang membawa maksud kekayaan yang melimpah ruah dan burung merak mewakili kolam perayaan Deepavali ( pesta cahaya ) yang beerti cahaya menerangi kegelapan ke arah kebaikan.



20. EYE OF MALAYSIA (2018) | NOR AMIRA SYAFIQAH MD ZAHRIN



Karya ini mengisahkan tentang keindahan Malaysia menerusi keharmonian kaum, agama, bahasa dan budaya. Mengambil konsep atau teknik seni aboriginal dari Australia, pelukis menerapkan pelbagai objek dan elemen seperti seni bina, warisan dan budaya serta patriotisme yang merumuskan kepada Eye of Malaysia.





21. MAMBANG LAUT (2018) | MUHAMMAD 'AQIL AZAHAR SHAH

Seni aboriginal yang dihasilkan berkaitan dengan bangau dan okok iaitu ragam hias di perahu. Bangau dan okok adalah sejenis hiasan yang diletakkan pada bot ataupun perahu menjadi objek budaya masyarakat Melayu di sekitar pantai timur. Mengikut kepercayaan masyarakat terdahulu, mereka percaya bahawa laut adalah sebuah dunia yang mempunyai kuasanya tersendiri yang mana ia berkait rapat dengan semangat dan dewa baik serta jahat yang berada di laut dan para nelayan percaya bahawa mereka berhadapan dengan mambang laut yang berniat jahat. Oleh itu, para nelayan meletakkan hiasan bangau sebagai perlindungan semasa berada di lautan.



Motif bunga cempaka sebagai fokus utama, mewakili keharuman, kelembutan dan keindahan budi pekerti kaum hawa. Cempaka nama yg sering digunakan oleh masyarakat Melayu kepada kaum hawa. Motif cempaka dikelilingi motif berbentuk hati yang digubah menjadi bintang yg memagari sang cempaka membawa mesej bahawa motif cempaka sebagai imej tradisional sentiasa ada di hati dan motif tradisional sepertinya mesti dilindungi. Motif bunga cempaka turut diiringi motif dedaunan yang melarat berpunca dari si cempaka. Dedaunan yang dikenali sebagai awan larat terdiri daripada daun dan kudup, membawa erti setiap permulaan pasti ada pengakhiran, sepanjang laluan ke pengakhiran terdapat perjalanan berliku yang digambarkan oleh tangkai yang beralun dan berlingkar.

22. CEMPAKA RINDU (2018) | NUR NASUHA MOHAMMAD TARMIZI







23. TANJUNG LUMPUR (2018) | NUR ASYIKIN MUHD HUSIN

*Tanjung Lumpur merupakan sebuah perkampungan memancing yang terletak berhampiran Sungai Kuantan di Pahang, Malaysia.*

24. HIDUP (2018) | ALIA NADIRAH ZOHRI

Karya ini bermaksud tentang kehidupan di sekeliling kita yang datang daripada pelbagai latar belakang dan mempunyai tujuan dalam membina kehidupan.







25. MASJID (2018) | NORSAIRAH HASSAN MASJUD

Karya ini menceritakan mengenai agama Islam, agama kedamaian. Pengkarya memilih bayang hitam masjid ilham daripada Masjid Putra Putrajaya sebagai simbol agama Islam di Malaysia yang sering menerima cacian dan fitnah dari masyarakat yang kurang berpengetahuan mengenai Islam. Senja menggambarkan perasaan sedih pengkarya terhadap isu tohmahan dan fitnah tersebut yang berlaku. Warna-warni pelbagai motif pada masjid tersebut menggambarkan agama ini menerapkan pelbagai nilai-nilai murni dan akhlak yang baik dalam kehidupan sedikit sebanyak dapat membetulkan persepsi negatif. Terdapat pelbagai motif yang di terapkan di dalam karya seperti motif arabesque, ukiran kayu, pucuk rebung dan lain-lain untuk menggambarkan penganut agama Islam terdiri daripada latar belakang yang pelbagai.



Lukisan ini mengetengahkan tema keistimewaan Malaysia. Penggunaan burung kenyalang, durian, wau, penyu dan bunga raya untuk menunjukkan antara contoh keistimewaan Malaysia. Burung kenyalang merupakan ikon utama negeri Sarawak. Durian pula amat terkenal di Asia Tenggara dengan gelaran "Raja Buah". Sementara itu, Wau Bulan merupakan antara jenis wau yang paling popular di Malaysia dan kepopularannya didominasi oleh rakyat pantai timur di Semenanjung Malaysia. Penyu juga menjadi satu tarikan di Malaysia. Menurut kajian yang telah dijalankan, didapati penyu telah wujud semenjak akhir zaman Jurasik (145 - 208 juta tahun), iaitu sezaman dengan dinosaur. Bunga raya merupakan bunga paling istimewa untuk negara kita dan telah terpilih untuk menjadi bunga kebangsaan.

26. HARTA (2018) | NURILYA SYUHADA ZAINAL







27. CHINDIA (2018) | NUR HIZATI KHALIDI

"Chindia" adalah sebuah karya yang menunjukkan gabungan dua kaum iaitu Cina dan India. "Chindia" juga merupakan sebuah karya yang menceritakan mengenai kebudayaan sesebuah kaum iaitu Cina dan India. Terdapat seekor naga, simbol Ying Yang dan kipas Cina yang melambangkan kepercayaan, budaya dan adat resam orang Cina. Manakala "Mandala" yang terdapat di bahagian latar belakang lukisan adalah salah satu seni bagi kaum India yang sangat terkenal pada zaman dahulu dan sehingga hari ini.



*Khat kaligrafi Alhamdulillah ini ingin menyampaikan maksud tersirat iaitu kita sebagai hambaNya haruslah mensyukuri akan segala nikmat yang Allah S.W.T berikan kepada kita hambaNya. Selain itu, karya ini juga mempunyai maksud tersurat iaitu dari segi penumpuan pencahayaan di sudut tengah yang menonjolkan tulisan khat tersebut adalah ibarat cahaya petunjuk dari Allah S.W.T untuk kita daripada kegelapan.*

28. (ALHAMDULILLAH (SYUKUR ATAS NIMATNYA) (2018)  
| NORHATIKA DAUD







29. THE EXCELLENT OF EXISTENCE (2018) | NURUL HANNANI RAZALI

Bunga Orkid adalah bunga yang sangat jarang untuk berbunga tetapi ia akan berbunga dengan lebih kerap jika dijaga dengan penuh kasih sayang, cinta, belaian dan perhatian yang cukup. Ia boleh berbunga selama 3 bulan jika ia dijaga bagai "menatang minyak yang penuh". Begitu juga wanita, jika dibelai, dijaga dengan penuh kasih sayang, cinta, perhatian dan sokongan yg ikhlas dan secukupnya, wanita akan menjadi seorang yg berjaya kental, yakin pada diri & kuat menempuhi segala rintangan.

Jika sebaliknya, pokok orkid tersebut akan mudah layu kemudiannya mati.

Wanita juga akan tawar hati, jauh hati & sensitif jika dilayan dengan kebencian & keganasan terhadap mereka. Wanita akan menjadi lemah, kurang yakin dan sentiasa merasakan diri tidak hebat.

30. TRADITIONAL CONTAINER (2018) | NUR AZIELAH MOHD AZLI



Tepak Sireh dan Kaop lazimnya digunakan dalam pelbagai acara adat dan istiadat di Kelantan Melayu. Semasa Kerajaan Melayu Melaka dipertengahan abad ke-15, dicatatkan bahawa Parhawan Lagerda Hang Tuah telah memberikan kepada Hang Jebat sepiak sirih di dalam Tepak Sireh kepunyaan Sultan Muhammad semasa berhenti berahat dalam pertarungan, sebelum merampas kenis sakti bernama Tameng Sari dari tangan Hang Jebat sebelum dapat membunuhnya di atas pendetakaan terhadap Sultan Melaka.





31. GARDEN OF FLOWER (2017) | HATIKA ABDUL HALIM

*'Garden of Flower' mengambi inspirasi aliran Impressionism yang bersifat naturalistik dan lanskap dengan mengutamakan elemen 'Capture The Moment' dalam penghasilan karya.*

### 32. RUMAH SEPI (2018) | NUR AISYAH ABD FATAH



Rumah sepi - Rumah merupakan tempat perlindungan bagi semua manusia, tapi bila tidak dihuni ia akan menjadi sepi. Seperti juga dengan perasaan manusia, bila orang yang disayangi telah meninggalkan dunia ini, maka rumah itu tiada ertinya lagi.





33. RAHMAT (2018) | NOR FATEHAH MOH ASRI

Kalimah "Subhanallah" membawa maksud "Maha Suci Allah". Pengkarya menzahirkan rasa syukur dengan keindahan alam semesta yang diciptakan oleh Yang Maha Esa. Oleh itu, pengkarya mengaplikasikan corak galaksi pada latar belakang karya, serta belon-belon yang terapung sebagai simbol belas kasihan Pencipta terhadap hamba-Nya.



**34. MY STARRY NIGHT AT THE KELLY CASTLE (2017) | NUR FATHIAH SA'ADON**

Dibina pada tahun 1905 oleh seorang peladang getah terkemuka Scotland bernama William Kellie Smith. Bangunan tiga tingkat di bina mengikut reka bentuk sebuah istana Moghul di bandar Agra, India, merupakan bangunan yang terkenal di Negeri Perak. Walau bagaimanapun, pelbagai spekulasi tentangnya yang menjadi tanda tanya dan menarik ramai pelancong kerana bangunannya tidak dapat disiapkan setelah pemiliknya meninggal dunia. Sesuai dengan olahan gaya Impressionist yang terkenal, Vincent Van Gogh. Karya "My starry Night at the Kelly Castle" bermain dengan warna biru dan kuning untuk memberi maksud kedamaian di sana selain warna bangunan yang tidak terlalu menonjol untuk memberi kesan misteri.







35. KEHIJAUAN (2018) | ENGGU NUR AISYAH CHE ENGGU MUHAMAD


*Zikir yang menenangkan dan mententeramkan jiwa dengan seni khat kufi dan rona hijau yang segar dan damai.*

Karya ini mengenai makanan kegemaran masyarakat jepun iaitu sushi. Sushi adalah makanan yang terdiri daripada nasi yang dibentuk bersama lauk berupa makanan laut, daging dan sayuran yang mentah ataupun dimasak. Nasi sushi itu sendiri sangat lembut kerna diperbuat daripada nasi yang dicampur dengan cuka beras, garam dan gula. Sushi juga menjadi makanan kegemaran masyarakat Malaysia masa kini.

36. SUSHI (2018) | AINOL HAYAT AB GHAFAR







*WOOW ketengahkan visual ilusi optikal dengan menerapkan elemen tradisional wau sebagai objek utama.*

37. WOOW (2017) | NURUL NADIRAH KAMARULZAMAN

*Bunga Dahlia berasal dari Mexico, namanya pula berasal daripada nama seorang pakar botani Sweden iaitu Andres Dahl. Terdapat 30 spesis yang beraneka rupa dan warna. Di Malaysia Dahlia hidup subur di kawasan tanah tinggi. Keindahan Dahlia diabadikan dalam catan kanvas oleh pengkarya dengan sapuan warna yang harmoni, ceria dan menyegarkan.*

38. DAHLIA (2108) | NUR AZWA MUHAMAD YUSOF







39. TULIPS (2018) | ANA NAJWATUNISAA MUZAFFAR SHAH

*Karya ini menunjukkan cerminan kehidupan saya. Sekuntum bunga tulip memberi simbol seperti diri saya yang merupakan seorang anak tunggal dalam keluarga. Warna tulip yang berwarna campuran merah dan merah jambu ini melambangkan keceriaan dan kasih sayang malah menunjukkan bahawa diri saya ini dikelilingi dengan kasih sayang yang tidak berbelah bahagi oleh ibu bapa, keluarga dan rakan-rakan. Oleh itu, karya ini saya tujukan kepada keluarga saya khususnya ibu saya yang banyak memberi sokongan dan juga seorang yang suka akan bunga tulip.*

Catan ini memaparkan sebahagian hasil kekayaan pertanian di negara kita. Catan realisme dengan media akrilik di atas kanvas berukuran 3 ft x 3 ft ini pengaruh pelukis William Henry Hunt, yang cenderung merakamkan alam semulajadi sebagai subjek utamanya. Buah-buahan tempatan terkenal rasanya yang lazat dan berkhasiat. Sesetengahnya tidak bermusim sehingga berlakunya lambakan. Justeru itu, catan ini mungkin boleh mengingatkan pihak berkuasa terutamanya jabatan berkaitan membantu untuk menghasilkan produk-produk hiliran berasaskan buah-buahan tempatan.

40. BUAH - BUAHAN TEMPATAN (2018) | NUR AINI NAQUIAH PANDAN





# Urusetia Induk

## **Penaung Bersama**

### **Dato' Charon Mokhzani**

Pengarah Urusan Kumpulan  
Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF)

### **Profesor Dr. Hj. Zaini Abdullah**

Timbalan Naib Canselor  
Jaringan Industri, Masyarakat, Alumni & Keusahawanan (ICAEN)  
Universiti Teknologi MARA

## **Penasihat Bersama**

Profesor Dr. Faizah Abdul Majid – EDU,UiTM  
Abdul Malek Abdul Hafiz - MIDF

## **Pengerusi Bersama**

Mel@Nurul Muzamel Rasidi – GESTURZ, UiTM  
Irmawati Mahamad Tahir-MIDF  
Roslaili Binti Anuar – EDU,UiTM

## **Pengurus Acara dan Kurator Pameran**

Aedie Azrul Ab Aziz – GESTURZ, UiTM

## **Sekretariat Acara**

Nurul Aida Mohd Sohaime – GESTURZ, UiTM  
Mastura Md Mukhlas - MIDF  
Norlaila Hashim - MIDF

# Urusetia Peringkat Fakulti Pendidikan (EDU), UiTM

## **Penaung**

Profesor Dr. Faizah Abdul Majid

## **Penasihat**

Roslaili Binti Anuar

## **Pengerusi**

Noor Farhani Othman

## **Timbalan Pengerusi**

Raja Nurhamizan Bin Raja Azmi

## **Ahli Urusetia**

Nurul Fatin Atika Binti Zulkifli

Nor Omairah Binti Maheran

Nora Nadira Binti Misiran

Ain Sofiya Binti Roslan

Nurul Faaiza Binti Razak

Fatin Adibah Binti Ismail

Nurizzati Binti Mokhtar

Fathin Nabilah Binti Zulkifli

Allif Bin Omar

Nurdini Binti Samsudin

Nur Fathihah Binti Saadon

Mohamad Izzudin Bin Mohamad Noor



# **Urusetia Peringkat Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF)**

## **Penasihat**

Abdul Malek Abdul Hafiz

## **Pengerusi**

Irmawati Mahamad Tahir

## **Koordinasi Aktiviti MoU MIDF-UiTM**

Mastura Md Mukhlas

## **Ahli Urusetia**

Farrash Hasbollah

Noorfazilah Rebatin

Mohammad Saufi Hj Husain

Erween Ellianna Rosli

Norlaila Hashim

# **Urusetia Peringkat Galeri Seni Tuanku Nur Zahirah (GESTURZ), UiTM**

## **Pengerusi**

Nurul Muzamel Rasidi

## **Pengurus Acara dan Kurator Pameran**

Aedie Azrul Ab Aziz

## **Ketua Pereka**

Siti Soleha Salamun

## **Setiausaha Acara & Komunikasi Kuratorial**

Nurul Aida Mohd Sohaime

## **Penolong Pereka**

Muhammad Alif Mohd Tarmizi

Mohamad Izzul Hamka Subanderio

## **Penolong Editorial**

Muhammad Syahizad Abdul Malik

## **Ketua Teknologi Digital Persembahan/Pameran**

Hafizul Hj. Ishak

## **Teknikal Kuratorial**

Zairi Ramli

Hazrul Mohammad Rahim



# Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan pameran Articulture.

Malaysian Industrial Finance Berhad (MIDF)

Pejabat Jaringan Industri, Masyarakat, Alumni & Keusahawanan (ICAEN), Universiti Teknologi MARA

Galeri Seni Tuanku Nur Zahirah (GESTURZ), UiTM

Komunikasi Korporat Kumpulan (GCC), MIDF

Fakulti Pendidikan (EDU), Universiti Teknologi MARA


VAESA (Visual Art Education Students Association)

Unit Kenderaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kampus Puncak Alam, Cawangan Selangor

Unit Kenderaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam

Pelatih Industri, Politeknik Ibrahim Sultan Johor

Pelatih Industri, Fakulti Komunikasi & Pengajian Media, UiTM







# gesturz

---

curating experience

since 24.05.2007

*proudly*  
**MADE**  
*in* **Uitm**



9 789671 583753